Bagi tempoh sesi 2024/2025 Mesyuarat Anggota Lembaga telah diadakan sebanyak empat (4) kali, dengan kehadiran seperti berikut :-

Bil	Nama/Jawatan	2024			2025	
		22/6	25/7	18/12	29/5	Jumlah hadir
i)	Megat Ghazali bin Abdul Karim Pengerusi	✓	✓	✓	✓	4/4
ii)	Abd Aziz bin Abd Rahim Timbalan Pengerusi	✓	✓	✓	✓	4/4
iii)	Mohamad Syuib bin Abdul Rahman Setiausaha	✓	✓	✓	✓	4/4
iv)	Ika Riana binti Kamarudin Bendahari	✓	✓	✓	✓	4/4
v)	Isnor Fazni binti Abu Hassan Anggota Lembaga	✓	-	✓	✓	3/4
vi)	Nazatul Halipah binti Kamarulzaman Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	4/4
vii)	Nur Azman bin Zulkifli Anggota Lembaga	✓	✓	✓	-	3/4
viii)	Nor Azleen binti Kasim Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	4/4
ix)	Noor Azleen binti Kasim Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	4/4
x)	Syed Omar Huzaimi bin Syed Ghaibi Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	4/4
xi)	Akmal bin Mohamed Isa Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	4/4
xii)	Zul Effizal bin Mohamad Saad Anggota Lembaga	✓	✓	✓	✓	4/4



Hadir



Tidak Hadir (dengan maaf)



4. Warga Kerja KOPERAK dan Subsidiari

Bagi sesi 2024/025 KOPERAK mempunyai seramai enam (6) orang kakitangan seperti berikut :-

Bil	Nama	Jawatan
i)	Muhammad Nur Khairi bin Abdullah	Pengurus
ii)	Nur Faizah binti Abd Hamid	Eksekutif Kanan
iii)	Nurul Ammelina Izlin binti Zulkifli	Eksekutif
iv)	Nida UI Huda binti Abdul Hamid	Bukan Eksekutif
v)	Nur Suhailah binti Mohammad Salleh	Bukan Eksekutif
vi)	Muhammad Al Nu Aim bin Mohd Akil	Pembantu Pejabat

Pancaran Permata Sdn Bhd membekalkan pekerja Stesen Minyak PETRONAS milik KOPERAK seperti berikut :-

i)	Stesen Minyak PETRONAS Bandar Meru Raya	14 Kakitangan
ii)	Stesen Minyak PETRONAS Lebuhraya Meru Raya	13 Kakitangan



LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA SESI 2024/2025

1. JAWATANKUASA PEMANTAUAN, KEWANGAN & AKAUN

Pengerusi : Megat Ghazali bin Abdul Karim

Ahli Jawatankuasa : Ika Riana binti Kamarudin
: Nor Azman bin Zulkifli

Jawatankuasa Pemantauan, Kewangan & Akaun (JPKA), Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) telah diwujudkan bertujuan untuk melaksanakan tugas-tugas pemantauan yang melibatkan aspek kewangan dan perakaunan bagi KOPERAK serta anak syarikatnya.

Di antara peranan lain JPKA adalah menjadi pemantau serta penasihat kepada kesemua jawatankuasa yang ada di dalam KOPERAK bagi memastikan setiap keputusan yang dibuat adalah berlandaskan kepada peraturan serta syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Undang-Undang Kecil KOPERAK dan Akta Koperasi 1993.

Sepanjang sesi 2024/2025, JPKA telah membuat beberapa ketetapan serta garis panduan telah disusun yang melibatkan semakan dan seliaan ke atas kedudukan kewangan dan akaun bagi KOPERAK serta syarikat subsidiarinya secara bulanan dan tahunan. Pada masa yang sama, JPKA turut mempertimbangkan perkara-perkara yang melibatkan perjalanan aktiviti-aktiviti perniagaan KOPERAK terutamanya melibatkan perniagaan dua (2) stesen minyak Petronas.

Selain daripada itu juga, JPKA turut memberi pandangan ke atas sebarang tindakan mahupun keputusan yang diambil dalam memberikan perkhidmatan serta menambakbaik kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada setiap anggotanya dalam memastikan perkhidmatan pinjaman kewangan serta insuran dapat dinikmati oleh anggota yang memerlukan. JPKA juga turut peka ke atas kebajikan anggotanya dengan sentiasa memastikan bahawa bantuan yang diberikan disalurkan kepada setiap para anggota. Ini juga termasuk memastikan bahawa pandangan berkaitan pemberian dividen kepada anggota dilaksanakan dengan teliti berdasarkan kepada kedudukan kewangan KOPERAK dalam memastikan setiap anggota dapat menikmati keuntungan bersama.

Peranan JPKA akan terus dipertingkatkan daripada semasa ke semasa demi memastikan objektif pelaksanaannya dapat direalisasikan untuk memberikan kelancaran perjalanan KOPERAK yang lebih berdaya maju pada masa hadapan selain sentiasa mengambil berat kebajikan para anggotanya.



2. JAWATANKUASA PENTADBIRAN SUMBER MANUSIA, UNDANG-UNDANG DAN HAL EHWAL KOPERASI

Pengerusi : Mohamad Syuib bin Abdul Rahman

Jawatankuasa : Puan Isnor Fazni binti Abu Hassan
: Encik Zul Effizal bin Mohamad Saad

Jawatankuasa ini dalam proses untuk mempertingkatkan sistem pentadbiran KOPERAK ke satu tahap yang lebih baik dan bersistematik melalui penambaan sumber tenaga manusia sedia ada dan mengikut keperluan semasa.

Sistem yang dilaksanakan ini berlandaskan Undang-Undang Koperasi (UUK) yang menjadi tunggak KOPERAK untuk menjadi sebuah koperasi yang aktif dan matang.

Pada sesi 2024/2025, seramai 7 orang Anggota Lembaga, 1 orang Juruadit Dalaman dan 4 orang kakitangan (Pengurusan) telah menghadiri kursus dan seminar yang telah dianjurkan bagi memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Dari segi pentadbiran, KOPERAK sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua anggota dari pihak-pihak berkepentingan dan sentiasa membuat penambaan dari semasa ke semasa.

Kursus, Seminar dan Taklimat

Anggota Lembaga, Juruadit Dalaman dan kakitangan (Pengurusan) KOPERAK berikut telah menghadiri kursus, seminar dan taklimat dibawah bagi tempoh sesi 2024/2025.

Bil	Kursus/Seminar /Taklimat	Tarikh	Peserta	Anjuran/Tempat
1	<i>Goldenfren C2 Engagement - Platinum Station Preparation</i>	4 Julai 2024	Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
2	<i>Go to Safety Point (GTSP) Program with PDRM Perak</i>	5 Julai 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
3	Kursus <i>E-Invoicing</i>	22 Julai 2024	Nurul Ammelina Izlin binti Zulkifli (Pengurusan)	Perak Centre Excellent
4	Seminar Kongres Koperasi Kebangsaan 2024	26 Julai 2024	Nazatul Halipah binti Kamarulzaman (ALK)	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)



5	Program Santai Namun Sampai Memperkasa Usahawan Dan Koperasi Madani	6 Ogos 2024	Nazatul Halipah binti Kamarulzaman (ALK)	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
6	<i>HSE Task Force Meeting for 2024 - Roxa Preparations</i>	10 Ogos 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
7	Kursus Wajib 1 Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi	13 Ogos 2024 - 14 Ogos 2024	Zul Effizal bin Mohamad Saad (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
8	<i>Safety Handling of Chemical Session for Dealers</i>	21 Ogos 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
9	<i>Dealer Engagement Northern</i>	10 September 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
10	<i>PDB Phase 2 Solar Program</i>	27 September 2024	Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
11	Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi Wajib 2	30 September 2024 - 1 Oktober 2024	1.Mohamad Syuib bin Abdul Rahman (ALK) 2.Zul Effizal bin Mohamad Saad (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
12	Kursus Wajib 1 Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi	8 Oktober 2024 - 9 Oktober 2024	Akmal bin Mohamed Isa (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
13	Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi	7 Oktober 2024 - 8 Oktober 2024	Nurul Nadiah binti Ahmad Sahar (JAD)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)



14	Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi Wajib 2	15 Oktober 2024 - 16 Oktober 2024	Ika Riana binti Kamarudin (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
15	Kursus Pengurusan Digitalisasi	21 Oktober 2024	Nida Ul Huda binti Abdul Hamid (Pengurusan)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
16	Santai bersama Setel	25 Oktober 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Setel Ventures
17	Kursus Wajib 1 Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi	5/11/2024 - 6/11/2024	Ika Riana binti Kamarudin (ALK)	P&M Tobacco
18	<i>OSH Coordinator Course</i>	11 November 2024 - 13 November 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Sheqa Sdn Bhd & Dosh
19	Kursus Pengurusan Kewangan Koperasi Wajib 2	12 November 2024 - 13 November 2024	Akmal bin Mohamed Isa (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
20	Kursus Pengurusan Strategik Wajib 3	19 November 2024 - 20 November 2024	1.Mohamad Syuib bin Abdul Rahman (ALK) 2. Ika Riana binti Kamarudin (ALK) 3. Akmal bin Mohamed Isa (ALK) 4.Zul Effizal bin Mohamad Saad (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)



21	<i>Petronas Retails & HSE Passport Course PRHP</i>	25 November 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
22	<i>E-Invoice Service Session</i>	12 Disember 2024	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
23	<i>Platinum Station Recognition Program</i>	23 Januari 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
24	Kursus Pengurusan Risiko	5 Februari 2025 - 6 Februari 2025	Noor Azleen binti Kasim (ALK)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)
25	<i>Dealer Conference 2025</i>	25 Februari 2025 - 27 Februari 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
26	<i>Upskilling & Training Setel Champion League</i>	28 Februari 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Setel Ventures
27	<i>Ta Meeting For No7 Performance & Ramadhan Program,</i>	6 Mac 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
28	<i>General Onboarding of Petrol Subsidy Program for Petronas Northern Region</i>	11 Mac 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad



29	<i>Toilet of The Year Award 2025 (TOTYA) Session</i>	27 Mac 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
30	Briefing on Work Clearance Form for Maintenance	14 April 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
31	<i>Briefing on Work Clearance Form for Maintenance</i>	14 April 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
32	<i>HSE Mandatory Legal Sessions</i>	28 April 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
33	Offloading & Safety Handling of Chemical (SHOC) Training Batch 1 2025	8 Mei 2025	1.Wan Mohd Firdaus bin Shahidan (Pengurusan) 2.Ahmad Luthfi bin Shahidan (Pengurusan)	Petronas Dagangan Berhad
34	Seminar Program Asean Cooperative Dialogue 2025	13 Mei 2025 - 14 Mei 2025	1. Abd Aziz bin Abd Rahim (ALK) 2. Mohamad Syuib bin Abdul Rahman (ALK)	Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
35	<i>Bengkel FAST E-Invois Hands-On</i>	11 Jun 2025 - 12 Jun 2025	Nurul Ammelina Izlin binti Zulkifli (Pengurusan)	Institusi Koperasi Malaysia (IKMa)



3. JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN STESEN MINYAK

Pengerusi : Abd Aziz bin Abd Rahim

Ahli Jawatankuasa : Ika Riana binti Kamarudin

Jawatankuasa Perniagaan

Sewa Ruang Perniagaan Stesen Minyak Lebuh Meru Raya

Pihak KOPERAK sedang dalam usaha untuk memberikan peluang sewaan bagi Ruang Perniagaan Stesen Minyak Petronas Lebuh Meru Raya. KOPERAK telah menawarkan kepada beberapa syarikat makanan francais terkemuka seperti Tealive, Family Mart, Coffee Bean And Tea Leaf dan lain-lain lagi. Sehingga harini, Coffee Bean And Tea Leaf telah menunjukkan minat untuk menyewa ruangan sewaan berharga RM 4,500.00 sebulan. Pihak pengurusan Coffee Bean (HQ) telah mengadakan lawatan ke ruang perniagaan tersebut dan sehingga kini pihak mereka masih diperingkat perbincangan dan akan memaklumkan keputusan dalam masa terdekat ini.

Sewa Tingkat Atas Lot Rumah Kedai Ipoh Raya

Pihak KOPERAK mempunyai rumah kedai 2 tingkat di Bandar Ipoh Raya. Bahagian tingkat bawah telah disewakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak manakala bahagian tingkat atas masih belum disewakan. KOPERAK masih membuka tawaran sewaan kepada pihak-pihak yang berminat.

Jawatankuasa Pengurusan Stesen Minyak

Stesen Minyak Petronas Bandar Meru Raya (SMPBMR)

Stesen Minyak Petronas Bandar Meru Raya (SMPBMR) kini telah menjangkau usia 14 tahun sejak mula menjalankan operasi pada 23 Mac 2011. Ini merupakan tempoh masa yang cekap matang bagi SMPBMR untuk kekal kompeten dan menjadi salah satu stesen minyak Petronas terbaik di Wilayah Utara. Hal ini terbukti apabila SMPBMR telah terpilih menjadi stesen minyak **Petronas berstatus Platinum Station** yang diperakui oleh pihak JKKP pada tahun 2024 mewakili Wilayah Utara bersama 4 stesen minyak yang lain.

Jualan minyak dan barangan di stesen minyak ini juga kekal sebagai antara yang tertinggi di Wilayah Utara hasil usaha bersama semua pihak yang terlibat. Status *High Volume Station* kekal dipegang oleh SMPBMR untuk 11 tahun berturut-turut walaupun pelbagai cabaran hadir seperti pengenalan subsidi bersasar selain penggunaan kenderaan elektrik (EV) yang mampu memberi impak kepada penjualan minyak petrol.

Program CSR seperti Setel Day, Special Day dan seumpamanya, turut tidak terkecuali untuk menjadi keunikan SMPBMR dalam meningkatkan mutu servis khidmat pelanggan kepada semua pelanggan dan pengunjung yang hadir ke stesen. Selain itu, SMPBMR terus memperkukuhkan hubungan dengan pihak PDB dengan menjadi tuan rumah dalam pelbagai program HSE seperti "*Offloading Training*", *SHOC Training* dan sebagainya.



Semoga SMPBMR akan menjadi sebuah stesen minyak Petronas nombor 1 di Malaysia. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya sokongan dan dorongan daripada semua pihak diberikan secara konsisten dan bersungguh-sungguh dalam memacu Impian tersebut.

Stesen Minyak Petronas Lebuh Meru Raya (SMPLMR)

Stesen minyak PETRONAS Lebuh Meru Raya (SMPLMR) merupakan stesen minyak kedua milik penuh KOPERAK di bawah konsep DODO (*Dealer Owned Dealer Operated*). Stesen ini telah beroperasi sepenuhnya pada 26 April 2022.

Pada masa ini, SMLMR masih berstatus *Medium Volume Station* berdasarkan kategori jualan minyak yang ditetapkan oleh pihak Petronas Dagangan Berhad (PDB) seperti yang dikategorikan oleh pihak PDB berdasarkan jualan minyak.

Selain itu, SMPLMR telah menjadi tuan rumah bagi *Program Full-Service Maintenance* yang membabitkan 27 stesen minyak di sekitar Perak, *RER Team* daripada HQ PDB dan pembabitan kontraktor serta vendor lantikan PDB. Selain itu, SMPLMR telah dipilih sebagai ahli jawatankuasa bagi *Program Ipoh Food Festival* peringkat utara. Pembabitan SMPLMR di dalam program-program ini dijangka akan memperkukuhkan lagi hubungan baik bersama PDB.

Pada tahun 2024, Pihak PDB telah memilih SMPLMR sebagai *Gold Station* kerana telah memenuhi syarat - syarat yang ditetapkan terutama berkenaan keselamatan di stesen. Oleh yang demikian, pengurusan dan krew stesen akan berusaha bagi menambah baik perkhidmatan dan keselamatan dari masa ke semasa bagi mengekalkan anugerah gold station ini.

SMPLMR masih meneruskan beberapa program bersama pelanggan dan di antaranya adalah Infaq Jumaat kepada 50 pelanggan yang terawal pada setiap hari Jumaat, *Magic Monday pada setiap hari Isnin*, dan *Super Saturday*. Program-program ini diteruskan sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan dan sebagai salah satu aktiviti promosi stesen minyak bagi menarik lebih ramai pelanggan seterusnya meningkatkan lagi hasil jualan.

SMPLMR mempunyai dua ruang perniagaan untuk disewakan. Ruang bersebelahan kedai mesra telah disewakan kepada Restoran Wing Zone sejak tahun 2022 yang lalu. Ruang sewaan Tingkat atas Kedai Mesra masih belum disewakan namun beberapa Syarikat Food and Beverages (F&B) telah menunjukkan minat untuk menyewa ruangan tersebut.

Semoga SMPLMR terus maju dan konsisten dalam menyediakan perkhidmatan stesen minyak Kawasan Meru Raya ini. Diharapkan juga agar SMPLMR akan menjadi salah sebuah stesen minyak *High Volume* pada tahun 2025 dan tahun-tahun seterusnya.



4. JAWATANKUASA PEMBIAYAAN DAN KEBAJIKAN ANGGOTA DAN PERNIAGAAN INSURANS

Pengerusi : Nazatul Halipah binti Kamarulzaman

Ahli Jawatankuasa : Noor Azleen binti Kasim

Dalam tahun 2024, KOPERAK telah membelanjakan sebanyak **RM835,821.50** bagi urusan pembiayaan anggota bagi pelbagai keperluan perbelanjaan kepada seramai 63 orang anggota. KOPERAK juga telah membelanjakan sebanyak **RM78,600.00** sepanjang tahun 2024 melalui tabungan KOPERAK kepada anggota dan keluarga anggota.

Jawatankuasa Pembiayaan dan Kebajikan Anggota

A. Tabung Pendidikan

- i) **Kemasukan Ke Asrama Penuh bagi tingkatan 1 – SBP/MRSM/ Rancangan Khas (RM 150.00) / Kemasukan Ke Asrama Penuh bagi tingkatan 4 – SBP/MRSM/ Rancangan Khas (RM 200.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Iman Iskandar bin Muhammad Akhir	Muhammad Akhir bin Ismail	968	150.00

- ii) **Sijil Pelajaran Malaysia 8A Keatas (RM300.00) / 5A-7A (RM250.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Nurizzati Yasirah binti Mohamad Radi	Rahayu binti Abdul Hamid	655	250.00
2.	Muhammad Haziq bin Harun	Harun bin Mat Noor	406	300.00

- iii) **Lulus Dan Tamat Diploma Di Kolej Vokasional (RM 300.00)**

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Hazman Fahmi bin Johari	Maizurah binti Md Yusoff	825	300.00
2.	Indra Putra bin Mat Daud	Rozita binti Idris	841	300.00



iv) Matrikulasi / Asasi / Diploma (RM350.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Nurin Alisya binti Jeffrul	Isnor Fazni binti Abu Hassan	791	350.00
2.	Idlan Ariff bin Kamaruddin	Rahtiah Fazilah binti Mohamad@Che Omar	755	350.00
3.	Ridwana Afwan binti Mohd Aminuddin	Rahayu binti Othman	676	350.00
4.	Nur Haziqah Yusra binti Khairul Anuar	Ajinah binti Aziri	668	350.00
5.	Adrian Nur Syawal binti Zunnasri	Zunnasri bin Ismail	1147	350.00
6.	Azaryl Iman bin Md Azhari	Md Azhari bin Asri	802	350.00
7.	Lily Suraya binti Rosidi Fahlid	Lailatussa'adah binti Abd Hamid	576	350.00
8.	Muhammad Aiman Haziq bin Mohd Shafferi	Nur Azura binti Abdul Khamin	645	350.00
9.	Muhammad Alif Nafis bin Kamarul Nadzimuddin	Kamarul Nadzimuddin bin Ismail	977	350.00
10.	Nur Alia Maisarah binti Mohd Fadzri	Mohd Fadzri bin Mohd Zaini	749	350.00
11.	Nur Amira Natasha binti Mohd Fadzri	Mohd Fadzri bin Mohd Zaini	749	350.00
12.	Nur Emilia binti Anuar	Hafizar bin Mat Piah	425	350.00
13.	Aizat Muqriz bin Mustaffa	Azaliza binti Hidzer	363	350.00
14.	Syaza Puteri Balkis binti Saluga	Saluga bin Abd Hamid	811	350.00
15.	Ahmad 'Abid Adzan bin Azman	Azman bin Hamid	765	350.00
16.	Nurimanna Antasha binti Mohamad Khairuddin	Mohamad Khairuddin bin Sulaiman	1113	350.00
17.	Afryna Batrisyia binti Khair Hashim	Saimaah binti Ijar	566	350.00
18.	Nurizzati Yasirah binti Mohamad Radi	Rahayu binti Abdul Hamid	655	350.00



v) Institut Pengajian Tinggi – Ijazah Sarjana Muda (RM500.00) & Ijazah Sarjana / PHD (RM350.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Nur Badrina binti Azmi	Nur Samsiah binti Majid	664	500.00
2.	Megat Muhammad Irfan bin Megat Albakish	Zaleha binti Baharudin	207	500.00
3.	Lydia Yasmeen binti Mohd Noh	Suriani binti Zainal Abidin	756	500.00
4.	Muhammad Syahmi Aiman bin Zakaria	Zakaria bin Abdullah	770	500.00
5.	Syed Mohamad Iqmal bin Syed Cholan	Syed Cholan bin Syed Hitam	134	500.00
6.	Muhammad Aqil Bazli bin Jafni	Rozita binti Hawari	956	500.00
7.	Fatin Jesnita binti Mat Daud	Rozita binti Idris	841	500.00
8.	Aleya Khaleda binti Zaki	Salmah binti Mohamed Ismail	374	500.00
9.	Aeriena Nabeela binti Zunnasri	Zunnasri bin Ismail	1147	500.00
10.	-	Noor Azleen binti Kasim	1012	350.00

vi) Sukan Peringkat Negeri Perak (RM 200.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Nur Shafiqah Emilya binti Zaiful Affat	Zaiful Affat bin Jalaludin	480	200.00
2.	Nur Qaisara Balqis binti Zaiful Affat	Zaiful Affat bin Jalaludin	480	200.00
3.	Nur Aisyah Yusra binti Zaiful Affat	Zaiful Affat bin Jalaludin	480	200.00

vii) Sukan Peringkat Negara (RM 300.00)

Bil	Nama Anak Anggota	Nama Anggota	Anggota No.	Jumlah (RM)
1.	Siti Nur Husna Aina binti Abd Karim Nast	Abd Karim Nast bin Mohd Alias	105	300.00

**B. Sumbangan Masuk Wad 3 Hari 2 Malam Atau Lebih / Bencana dan Musibah**

Bil	Nama	Anggota No.	Perkara
1.	Nor Rashidah Binti Mohamad Salleh	876	Masuk Wad
2.	Mohamad Abdul Azim Bin Kamaruddin	1001	Masuk Wad
3.	Siti Munirah Binti Mat Tahir (2023)	1053	Masuk Wad
4.	Abdul Muiz Bin Roslan	1048	Masuk Wad
5.	Rizal Bin Abdul Hamid	757	Masuk Wad
6.	Nor Aini Binti Alias	831	Masuk Wad
7.	Mior Faidz Bin Wahid	335	Masuk Wad
8.	Rohani Binti Mohamed Yusoff	326	Masuk Wad
9.	Siti Nur Shawalni Izzati Binti Mohd Taufiq	1030	Masuk Wad
10.	Suzainna Binti Muhammad Sepian	821	Masuk Wad
11.	Mohd Faris Adha Bin Ismail	945	Masuk Wad
12.	Lee Kah Jin	1069	Masuk Wad
13.	Rahtiah Fazilah Binti Mohamad @ Che Omar	755	Masuk Wad
14.	Zaiton Binti Abidin @ Zainal Abidin	313	Masuk Wad
15.	Noorhaslina binti Mat Ali	274	Masuk Wad
16.	Siti Munirah Binti Mat Tahir (2024)	1053	Masuk Wad
17.	Muhammad Hafiz bin Abd Karim Nast	1168	Masuk Wad
18.	Ahmad Nazrin bin Ahmad Nizam	971	Masuk Wad
19.	Nur Arena Zarifah binti Abdullah	1130	Masuk Wad
20.	Nur Arena Zarifah binti Abdullah	1131	Bencana Alam
21.	Azlini binti Azizdin Shah	774	Masuk Wad
22.	Farrah Sakinah binti PP Abdul Satar (2023)	925	Masuk Wad
23.	Farrah Sakinah binti PP Abdul Satar (2024)	926	Masuk Wad
24.	Puteh Kushariah binti Nadzri	723	Masuk Wad
25.	Sharidatul Nadia binti Ahmad Dapli	785	Masuk Wad
26.	Ahmad Faisal bin Ibrahim	607	Masuk Wad
27.	Azhar bin Raais	306	Masuk Wad
28.	Abd Karim Nast binti Mohd Alias	105	Masuk Wad
29.	Rini Surainy binti Mohamed Sulaihin	1091	Masuk Wad



30.	Hafiza binti Ramli	507	Masuk Wad
31.	Mohd Fadzri bin Mohd Zaini	749	Masuk Wad
32.	Faziah binti Bakar	352	Masuk Wad
33.	Rahayu binti Abdul Hamid	655	Masuk Wad
34.	Nur Shahira binti Mohamad Rossidi	1052	Masuk Wad
35.	Fausiah binti Adham	394	Masuk Wad
36.	Isnor Fazni binti Abu Hassan	791	Masuk Wad
37.	Nor Azman bin Zulkifli	825	Masuk Wad
38.	Abdullah Hakim bin Mohamed Saidi	1127	Masuk Wad
39.	Mohamad Hazrul Rozaidi bin Abdul Manan	1029	Masuk Wad
40.	Muhammad Izham bin Roslan	993	Masuk Wad
41.	Muleni binti Abu Hassan	477	Masuk Wad
42.	Mohamad Al-Hafiz bin Jaafar	895	Masuk Wad
43.	Muhammad Kairul Rizam bin Salleh	1169	Masuk Wad

C. Sumbangan Kematian Anggota Dan Keluarga Anggota / Ehsan / Umrah / Haji

Bil	Nama	Anggota No.	Perkara
1.	Zakaria Bin Abdullah	770	Kematian Ibu
2.	Fadhilah Bin Hod	894	Umrah
3.	Mohmad Sazalli Bin Omar	190	Umrah
4.	Nur Shamimi Binti Isa	754	Umrah
5.	Sa'adah Binti Mohamad	840	Umrah
6.	Megat Nor Ariff Bin Megat Nor Sham (15/03/2022)	1136	Umrah
7.	Nur Ramziah Binti Muhamad Halil	912	Umrah
8.	Ispha Anna Binti Ishak	1010	Umrah
9.	Sa'adah Binti Mohamad	840	Kematian Ibu
10.	Noor Zulizzi Bin Mohd Noor	916	Kematian Bapa
11.	Tahiruddin Bin Samsudin	531	Haji
12.	Hafiza Binti Abd Aziz	202	Kematian Pasangan



13.	Annromeda Zeti Binti Annuar	478	Haji
16.	Zakaria Bin Abdullah	770	Haji 2019
17.	Sarijedin Ahmad Hanif	476	Kematian Pasangan
18.	Sofayzah binti Zulkipli	619	Kematian Bapa
19.	Mohamad Hafiz bin Sulaiman	837	Kematian Bapa
20.	Abdul Razak bin Taharim	238	Umrah
21.	Nur Juliana Kam binti Harrith Kam	952	Umrah
22.	Nur Farhana Hanim binti Mohd Sabri	735	Kematian Ibu
23.	Jameela binti Abdul Aziz	782	Kematian Bapa
24.	Tun Atikah binti Zulkifli	807	Umrah
25.	Nur Ardia Furzanne binti Abdullah	836	Kematian Bapa
26.	Rozita binti Hawari	956	Umrah
27.	Adi Azrul bin Amir	753	Kematian Ibu
28.	Ispha Anna Binti Ishak	350	Kematian Ibu
29.	Noradidah binti Mokhtar	1010	Kematian Ibu
30.	Rini Suraini binti Mohamed Sulaihin	1091	Kematian Bapa
31.	Mohd Azrul bin Ahmad Tahir	793	Umrah

D. Tabung Kebajikan Am (Perkahwinan / Kelahiran Anak Pertama / Berkhatan Anak Lelaki)

Bil	Nama	Anggota No.	Perkara
1.	Nor Hafizah Bt Badaruddin	725	Berkhatan Anak Lelaki
2.	Nur Shafeena Binti Yusoff Khan	813	Perkahwinan
3.	Shakila Binti Mohd Nazri	868	Berkhatan Anak Lelaki
4.	Asilatul Izzati Binti Shuhaimi	787	Berkhatan Anak Lelaki
5.	Siti Munirah Binti Mat Tahir	1053	Berkhatan Anak Lelaki
6.	Anwar Iqbal Bin Suhaimi	1166	Perkahwinan



7	Zul Effizal Bin Mohamad Saad	962	Berkhatan Anak Lelaki
8.	Thivian A/L Sethu Pandian	1142	Berkhatan Anak Lelaki
9.	Kasturileetchumi A/ Palanivel	1103	Perkahwinan
10.	Sufian bin Zainan	1098	Kelahiran anak pertama
11.	Noor Shamimi binti Isa	120	Berkhatan Anak Lelaki
12.	Haryati binti Halimi	1099	Perkahwinan
13.	Mohd Hafiszal bin Taid	887	Berkhatan Anak Lelaki
16.	Megat Amir Hakim bin Megat Shariffudin	1114	Kelahiran anak pertama
17.	Mohamad Zuhairi bin Zulkeple	1146	Kelahiran anak pertama
18.	Vigneswari A/P Ramasundran	1162	Perkahwinan
19.	Muhammad Iqwan bin Rusli	1071	Perkahwinan
20.	Zaikal Zikri bin Mansor	1006	Kelahiran anak pertama
21.	Abdullah Hakim bin Mohamed Saidi	1146	Berkhatan Anak Lelaki



Jawatankuasa Perniagaan Insurans

KOPERAK masih lagi memberikan perkhidmatan takaful khususnya kepada anggota-anggota KOPERAK mahupun bukan anggota. Untuk tahun 2024, KOPERAK masih menjadi wakil kepada syarikat-syarikat takaful seperti berikut :

- i) Takaful Ikhlas Berhad
(Takaful Ikhlas General Berhad & Takaful Ikhlas Family Berhad)
- ii) Etiqa Takaful Berhad
- iii) Syarikat Takaful Malaysia Berhad

KOPERAK sentiasa memberikan peluang kepada semua anggota untuk memilih syarikat takaful yang terbaik berdasarkan perlindungan yang sesuai, harga yang berpatutan dan juga servis terbaik yang dapat diberikan.

Syarikat -syarikat takaful menyediakan kelas panduan dan latihan yang bersesuaian untuk diberikan kepada wakil-wakilnya supaya pengetahuan dan kefahaman dalam bidang ini dapat membantu wakil mendapatkan informasi terkini tentang produk-produk baru dan sentiasa bersedia memberikan perkhidmatan terbaik kepada anggota-anggota KOPERAK.

Untuk tahun 2025, KOPERAK masih mewajibkan anggota-anggotanya untuk mengambil perlindungan **Takaful Kelompok (Group Term Takaful & Group Personal Accident)** Anggota diberikan pilihan untuk memilih pelan perlindungan **minimum** berjumlah **RM40,000.00** sehingga pelan **maksimum** berjumlah **RM300,000.00**.

Anggota juga diberikan pilihan untuk memberikan perlindungan kepada pasangan dengan jumlah perlindungan sebanyak RM30,000.00 sahaja. KOPERAK telah memberikan kemudahan bayaran balik selama 12 bulan kepada anggota bermula pada bulan Januari 2025 sehingga Disember 2025. KOPERAK amat berterima kasih dan menghargai sokongan semua anggota dan memohon sokongan yang berterusan supaya KOPERAK dapat memberikan perlindungan takaful kepada semua anggota selain menjana pendapatan yang lebih baik dari semasa ke semasa dan akhirnya mampu memberikan pulangan kepada anggota-anggotanya.



5. JAWATANKUASA HARTANAH & PERTANIAN

- Pengerusi** : **Nor Azman Bin Zulkifli**
- Ahli Jawatankuasa : Akmal bin Mohamed Isa
: Isnor Fazni Binti Abu Hassan
: Syed Omar Huzaimi bin Syed Ghaibi

i) **Projek Perumahan Sg. Raia**

Untuk makluman semua anggota, Hakmilik Blok untuk Projek Perumahan Sungai Raia ini telah dipindah hakmilik daripada Perbadanan Kemajuan Negari Perak (PKNPk) ke Koperasi Perbadanan Perak Berhad (KOPERAK) pada 19 Disember 2024.

KOPERAK telah melantik Spritzer Development Sdn Bhd sebagai pemaju untuk membangunkan projek perumahan ini melalui Perjanjian Usahasama yang telah ditandatangani pada 17 Januari 2025 yang lalu. Terkini, pihak Spritzer Development Sdn Bhd telah memulakan kerja-kerja mendapatkan kelulusan Pelan Pembangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan bagi meneruskan pembangunan projek ini.

Semoga dengan sokongan dan doa dari semua anggota, projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan sekaligus memberikan pulangan kepada semua anggota KOPERAK.

ii) **Projek Perumahan Simpang**

Pihak RM Megaway Sdn Bhd (RMSB) telah menandatangani Perjanjian Variasi bertarikh 26 Disember 2024 dengan jumlah penyelesaian awal keuntungan kepada KOPERAK berjumlah RM270,000.00.

Bayaran keseluruhan telah diterima daripada RMSB setelah memperolehi kelulusan *MB Consent* untuk pindah milik hartanah tersebut (4 Lot). Bagi 2 Lot lagi adalah lot bumiputera yang akan dipindahmilik kepada pembeli secara terus oleh PKNPk/RMSB semasa penjualan rumah tersebut dilaksanakan kelak.

iii) **Tanah Pertanian Bidor 100 Ekar**

Tanah milik KOPERAK ini telah diuruskan sewaan oleh anak syarikatnya Sikap Utama Sdn Bhd. Untuk tahun 2024, tanah ini telah disewakan kepada syarikat-syarikat berikut:

Nama Penyewa	Keluasan Ekar
Asas Alia Farm	Plot 1 (39 ekar)
Asas Alia Farm	Plot 2 (21 ekar)
Asas Kurnia Ekuiti Sdn Bhd	Plot 3 (25 ekar)
Asas Alia Farm	Plot 4 (3.052 ekar)
Tiada Penyewa	Keluasan 11.948 Ekar

Bagi tahun 2024, KOPERAK telah menerima pendapatan sewaan berjumlah RM116,228.64 bagi tanah pertanian di Bidor ini.



6. JAWATANKUASA JAWATANKUASA MENYAMBUT SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN KOPERAK

- Pengerusi : Zul Effizal bin Mohamad Saad
- Ahli Jawatankuasa : Ika Riana binti Kamarudin
: Isnor Fazni binti Abu Hassan
: Noor Azleen binti Kasim
: Akmal bin Mohamed Isa

Aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan

Bersempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun KOPERAK yang disambut pada tahun 2025, pelbagai aktiviti menarik telah dirancang sepanjang tahun ini bagi menghargai sumbangan serta sokongan padu daripada anggota sejak penubuhan KOPERAK. Sambutan ini bukan sahaja bertujuan meraikan pencapaian 50 tahun penubuhan, malah sebagai wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara anggota dan Pengurusan KOPERAK.

Perkara utama yang dibincangkan adalah berkenaan peruntukan dan pelaksanaan aktiviti sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun KOPERAK yang dijadualkan sepanjang tahun 2025. Jumlah anggaran bajet keseluruhan bagi sambutan tersebut ialah sebanyak RM55,565.00. Di antara aktiviti utama yang dirancang termasuk Pertandingan Mencipta Logo, Cabutan Bertuah, Pertandingan Mewarna, *Fun Run* KOPERAK, senamrobik, serta majlis penutup dalam bentuk jamuan Hi-Tea.

Antara aktiviti yang telah berjaya dijalankan setakat ini ialah Pertandingan Mencipta Logo KOPERAK yang berlangsung pada bulan Jun 2025 serta Cabutan Bertuah bulanan yang dijalankan bermula dari bulan Jun 2025 sehingga September 2025. Kedua-dua aktiviti ini telah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada anggota.

Bagi meneruskan kemeriahan sambutan, beberapa lagi aktiviti akan dianjurkan dalam masa terdekat, termasuk *Fun Run* dan Pertandingan Mewarna yang dijadualkan pada bulan September 2025. Aktiviti-aktiviti ini dapat menyemarakkan lagi semangat kesukanan dan kekeluargaan dalam kalangan anggota KOPERAK.

Kemuncak kepada sambutan ini ialah Majlis Hi-Tea penutup sambutan Jubli Emas 50 Tahun yang akan diadakan pada penghujung tahun 2025, sebagai tanda simbolik penghargaan kepada semua anggota atas kesetiaan dan komitmen terhadap KOPERAK selama ini. Semua anggota dijemput hadir dan bersama-sama mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan bagi memeriahkan sambutan bersejarah ini bersama-sama.



Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi dan Kumpulan bagi tahun 2024

1. TUJUAN

Laporan tahunan ini disediakan adalah untuk memenuhi kehendak Seksyen 42(A) Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007) dan Undang-Undang Kecil 53 Koperasi Perbadanan Perak Berhad untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-43.

2. KEANGGOTAAN JKAD

Keanggotaan JKAD Koperasi adalah terdiri daripada

- i) Puan Nor Azleen binti Zamri
- ii) Puan Nurul Nadiah binti Ahmad Shahar
- iii) Encik Ahmad Safwan bin Yunus

3. SKOP AUDIT

Laporan yang di buat akan berdasarkan kepada hasil pengauditan terhadap hal ehwal kewangan pentadbiran dan aktiviti-aktiviti Koperasi dan subsidiarinya yang dijalankan dari 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024.

4. KESIMPULAN DAN PANDANGAN

Kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal ehwal koperasi dan subsidiarinya telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 (Pindaan 2007). Peraturan-peraturan Koperasi 1995 dan Undang-Undang Kecil Koperasi Perbadanan Perak Berhad.

5. PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

(Nor Azleen binti Zamri)
Pengerusi JKAD

(Nurul Nadiah binti Ahmad Shahar)
Anggota JKAD

(Ahmad Safwan bin Yunus)
Anggota JKAD



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2024



KOPERAK

MAKLUMAT KORPORAT

PENGERUSI	Megat Ghazali bin Abdul Karim
TIMBALAN PENGERUSI	Abd Aziz bin Abd Rahim
SETIAUSAHA	Mohamad Syuib bin Abdul Rahman
BENDAHARI	Ika Riana binti Kamarudin
ANGGOTA LEMBAGA	Isnor Fazni bin Abu Hassan Nazatul Halipah binti Kamarulzaman Nor Azman bin Zulkifli Noor Azleen binti Kasim Akmal bin Mohamed Isa Zul Effizal bin Mohamad Saad Syed Omar Huzaimi bin Syed Ghaibi
PEJABAT BERDAFTAR	Koperasi Perbadanan Perak Berhad No. 22A, Jalan Meru Impian A1 Pusat Perniagaan Meru Impian Bandar Meru Raya 30020 Ipoh, Perak
BANK UTAMA	Bank Islam Malaysia Berhad Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad CIMB Islamic Bank Berhad Maybank Islamic Berhad
JURUAUDIT	AljeffriDean PLT (LLP0022267-LCA) Akauntan Bertauliah (M) (AF 1366) No. 1A, Jalan Meru Utama A1 Medan Meru Utama Bandar Meru Raya 30020 Ipoh Perak Darul Ridzuan



KOPERAK

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia)

KOPERASI PERBADANAN PERAK BERHAD
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kepada:
Ketua Pendaftar Koperasi
Anggota-anggota Koperasi Perbadanan Perak Berhad

Pendapat ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Perbadanan Perak Berhad**, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan disatukan pada 31 Disember 2024, akaun pembahagian keuntungan disatukan, penyata pendapatan, dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 51.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Koperasi pada 31 Disember 2024, dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut mengikut Garis Panduan 23, Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi dan mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan ini di bahagian "*Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan Penyata Kewangan*". Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Kumpulan dan Koperasi selaras dengan *Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan)* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Kod-kod Etika Akauntan Profesional* ("Kod IESBA"), dan kami juga telah memenuhi tanggungjawab etika-etika yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Penegasan Perkara

Koperasi telah mengiktiraf hasil daripada Projek Rumah Teres Simpang berjumlah RM135,000.00 dalam tahun semasa. Walau bagaimanapun, merujuk kepada Nota 7 kepada penyata kewangan, syarat-syarat terdahulu (*Condition Precedents*) yang merupakan prasyarat kepada pengiktirafan hasil tersebut belum dipenuhi sepenuhnya dalam tahun kewangan semasa.

Pendapat kami tidak terjejas berkenaan dengan perkara yang dinyatakan di atas.



Laporan Juruaudit (Samb.)

Lain-lain maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

anggota lembaga koperasi adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat yang terdiri daripada laporan berkanun anggota lembaga koperasi, laporan lembaga dan perutusan pengerusi tetapi tidak termasuk penyata kewangan koperasi dan laporan juruaudit kami.

pendapat kami ke atas penyata kewangan koperasi tidak termasuk laporan berkanun anggota lembaga koperasi, laporan lembaga dan perutusan pengerusi dan oleh itu kami tidak menyatakan sebarang pendapat.

pengauditan kami ke atas penyata kewangan koperasi juga menghendaki kami untuk menyemak lain-lain maklumat tersebut bagi memastikan ia selari dengan penyata kewangan koperasi dan tidak bercanggah dengan pengetahuan kami serta boleh menyebabkan lain-lain maklumat ini terdapat salah nyata yang material.

kami dikehendaki untuk melaporkan jika terdapat salah nyata yang material ke atas lain-lain maklumat tersebut. walau bagaimanapun, tiada perkara yang perlu dilaporkan oleh kami.

Tanggungjawab anggota lembaga koperasi kepada penyata kewangan

anggota lembaga koperasi bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan koperasi yang memberi pandangan sebenar dan saksama selaras dengan piawaian laporan entiti persendirian di malaysia dan keperluan-keperluan akta koperasi, 1993. anggota lembaga koperasi juga bertanggungjawab atas kawalan dalaman sebagaimana yang anggota lembaga koperasi tentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan koperasi, anggota lembaga koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan koperasi meneruskan sebagai usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara berkaitan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan anggota lembaga koperasi sama ada bemiati untuk membubarkan koperasi atau untuk menamatkan operasi, atau tiada pilihan realistik melainkan melakukannya.

Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan

objektif kami adalah untuk mendapat jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan koperasi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. keyakinan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di malaysia dan piawaian pengauditan antarabangsa ini sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud.

salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di malaysia dan piawaian pengauditan antarabangsa, kami melaksanakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. kami juga:



Laporan Juruaudit (Samb.)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan (Samb.)

